

1.



Konstruk Mengingat

Apakah hasil kraf tangan masyarakat tempatan yang menggunakan bahan alam?

- ☐ A Barangan tembikar
- ☐ B Tikar mengkuang
- ☐ C Duit syiling
- ☐ D Perahu

2.

Konstruk Mengaplikasi

Apakah barangan yang diperlukan oleh negara China sebagai pertukaran dagangan di Pelabuhan Kepulauan Melayu pada abad ke-16?

- I Emas
- II Rotan
- III Kayu-kayan
- IV Rempah-ratus

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

3.

Konstruk Memahami

Maklumat berikut berkaitan dengan perebutan takhta Kesultanan Kedah.

Krisis perebutan takhta Kesultanan Kedah berlaku apabila Sultan Muhammad Jiwa melantik Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah. Sultan Muhammad Jiwa akhirnya menghadapi ancaman daripada Bugis.

Bagaimanakah Sultan Muhammad Jiwa menghadapi ancaman daripada Bugis?

- ☐ A Memohon bantuan ketenteraan daripada Belanda
- ☐ B Memohon bantuan ketenteraan daripada Portugis
- ☐ C Memohon bantuan ketenteraan daripada Sepanyol
- ☐ D Memohon bantuan ketenteraan daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)

4.

Konstruk Mengingat

Mengapakah SHTI memindahkan pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat dari Pulau Pinang ke Singapura?

- ☐ A Singapura lebih selamat
- ☐ B Singapura lebih ramai penduduk
- ☐ C Singapura lebih strategik dan maju
- ☐ D Singapura lebih luas kawasan penempatan

5.



Konstruk Mengingat

Siapakah pemilik lombong bijih timah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada abad ke-15?

- ☐ A Hamba
- ☐ B Rakyat
- ☐ C Menteri
- ☐ D Pembesar Melayu

6.

Konstruk Mengaplikasi

Apakah tindakan British bagi mengatasi konflik perebutan takhta Kesultanan Perak?

- ☐ A Menyokong Raja Ismail
- ☐ B Menyokong Raja Abdullah
- ☐ C Menyokong Raja Yusuf
- ☐ D Menyokong Raja Ali

7.

Konstruk Mengingat

Apakah rujukan perundangan bagi kerajaan Perlis pada zaman pemerintahan Raja Syed Hussin Jamalullail?

- ☐ A Hukum Kanun Melaka
- ☐ B Undang-undang 99 Perak
- ☐ C Undang-undang Laut Melaka
- ☐ D Undang-undang Kesultanan Kedah

8.

Konstruk Mengingat

Apakah faktor utama Johor berjaya mengekalkan kedaulatan negeri hingga tahun 1914?

- ☐ A Pemodenan Johor
- ☐ B Kekayaan hasil bumi
- ☐ C Bentuk muka bumi yang strategik
- ☐ D Kepelbagaian kaum yang hidup dengan aman

9.

Konstruk Mengingat

Apakah negeri-negeri yang disatukan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

- ☐ A Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis, Johor
- ☐ B Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor
- ☐ C Sabah, Perlis, Kedah, Kelantan, Perak
- ☐ D Perak, Sarawak, Perlis, Kelantan, Terengganu

10.



Menganalisis

Apakah perbezaan kuasa Raja di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu berbanding dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- ☐ A
- | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu |
|---|--|
| Raja-raja Melayu menerima nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara kecuali hal-hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu | Raja-raja Melayu mempunyai kuasa lebih besar kerana negeri-negeri ini tetap sebagai negeri Melayu yang beraja bebas dan mempunyai kuasa autonomi |
- ☐ B
- | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu |
|--------------------------------|--------------------------------------|
| Raja berkuasa penuh | Raja berkuasa mutlak |
- ☐ C
- | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu |
|--------------------------------|--------------------------------------|
| Raja langsung tidak berkuasa | Raja perlu mengikut perintah Residen |
- ☐ D
- | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu |
|--------------------------------|--|
| Raja mempunyai kuasa autonomi | Raja hanya berkuasa dalam hal agama Islam dan adat istiadat Melayu |

11.

Konstruk

Mengingat

Apakah faktor utama pemilihan pemimpin dalam sistem kesukuan Sarawak?

- ☐ A Kekayaan individu
- ☐ B Kekuatan individu
- ☐ C Keturunan individu
- ☐ D Kebolehan peribadi

12.

Konstruk

Memahami

Bilakah James Brooke menggunakan strategi ugutan dalam usaha mendapatkan Sarawak?

- ☐ A Apabila Pengiran Raja Muda Hashim tidak bersetuju dengan rundingan sebelumnya
- ☐ B Apabila Datu Patinggi Ali dan pembesar Melayu menentang James Brooke
- ☐ C Apabila Sultan Omar Ali Saifuddin II menentang James Brooke
- ☐ D Apabila Belanda bertegas meluaskan kuasa di Sarawak

13.

Konstruk

Mengaplikasi

Mengapakah pengeluaran dalam ekonomi moden perlu dilakukan dalam skala yang besar?

- ☐ A Menambahkan hasil pendapatan negara
- ☐ B Mengeksport barangan ke luar negara
- ☐ C Menambah bekalan makanan
- ☐ D Mengumpul hasil bumi

14.



Mengaplikasi

Apakah kepentingan Akta Tanah Simpanan Melayu kepada orang Melayu?

- ☐ A Tanah hak orang Melayu boleh dijual kepada orang bukan Melayu
- ☐ B Tanah hak orang Melayu boleh dipindah milik kepada orang bukan Melayu
- ☐ C Tanah hak orang Melayu boleh dipajak gadai kepada orang bukan Melayu
- ☐ D Tanah hak orang Melayu tidak boleh dijual dan dipindah milik kepada orang bukan Melayu

15.

Konstruk

Mengaplikasi

Mengapakah sekolah vernakular Melayu hanya memberikan pengetahuan asas kepada orang Melayu?

- ☐ A British mahu kemajuan pendidikan orang Melayu
- ☐ B British mahu kebajikan orang Melayu terpelihara
- ☐ C British mahu ekonomi orang Melayu berkembang
- ☐ D British tidak berminat memajukan orang Melayu dalam pendidikan

16.

Konstruk

Mengingat

Siapakah tokoh yang mengetuai penentangan terhadap British di Naning?

- ☐ A Dol Said
- ☐ B Rentap
- ☐ C Tok Janggut
- ☐ D Yamtuan Antah

17.

Konstruk

Mengaplikasi

Mengapakah Kota Mat Sator dikatakan strategik?

- ☐ A Terletak di pesisir laut
- ☐ B Terletak di lembah bukit
- ☐ C Terletak di lembah sungai
- ☐ D Terletak di tebing Sungai Sunsuron

18.

Konstruk

Mengaplikasi

Apakah kelebihan Haji Abdul Rahman Limbong dalam menentang British?

- ☐ A Pandai berhujah di mahkamah
- ☐ B Pandai menggunakan senjata moden
- ☐ C Pandai merancang strategi pertahanan
- ☐ D Pandai menggunakan senjata tradisional

19 .

Konstruk Menganalisis

Bagaimanakah Sultan Abu Bakar melaksanakan diplomasi dalam usaha menjaga kedaulatan Johor?

- I Melaksanakan ekonomi komersial
- II Mengunjungi Ratu Victoria di England
- III Menubuhkan Lembaga Penasihat Johor di London
- IV Melantik Perdana Menteri Johor dalam kalangan pegawai British

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

20 .

Konstruk Menganalisis

Siapakah tokoh yang berjaya menyekat kemasukan Penasihat British di Terengganu sehingga tahun 1919?

- ☐ A Sultan Ahmad Shah
- ☐ B Sultan Zainal Abidin III
- ☐ C Sultan Abdul Halim Shah
- ☐ D Sultan Alauddin Riayat Shah